

KESAN KEJADIAN HISTERIA TERHADAP GURU
DI SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH DI DAERAH KUANTAN

SITI AISYAH BINTI ROMLI

Tesis ini dikemukakan bagi memenuhi syarat pengangugerahan
Sarjana Teknologi Kemanusiaan

Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan

UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

JUN 2017

ABSTRAK

Kejadian histeria merupakan suatu fenomena yang bersifat sarwajagat dan berlaku di seluruh dunia, hatta di Malaysia, dikesan sejak puluhan tahun yang lalu dalam kalangan remaja. Kesannya melibatkan banyak pihak. Proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah turut terjejas berikutan kejadian tersebut. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk menentukan sejauh mana kesan kejadian tersebut terhadap psikologi dan fizikal guru. Kajian ini dirangka menggunakan pendekatan kuantitatif dan melibatkan kaedah tinjauan (*survey*) dengan penggunaan soal selidik sebagai alat kajian. Melalui kajian rintis, nilai kebolehpercayaan *Alpha Cronbach* kajian ini adalah 0.872. Sampel kajian terdiri daripada 148 orang guru di enam buah sekolah sekitar daerah Kuantan yang terlibat dalam kejadian histeria. Data dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS)* dengan teknik statistik berbentuk deskriptif frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai. Konstruk psikologi yang terlibat merangkumi pelbagai item reaksi emosi seperti kebimbangan, ketakutan, kegelisahan, panik, hilang fokus dan sentiasa berhati-hati. Manakala konstruk fizikal pula merangkumi item keupayaan tubuh, kesakitan, kefungsiian dan kecederaan yang dialami guru. Hasil kajian menunjukkan tahap kesan terhadap psikologi guru lebih tinggi berbanding kesan terhadap fizikal. Kejadian histeria menyebabkan guru mengalami gangguan emosi dan stres.

ABSTRACT

Hysteria is universal and worldwide phenomenon including in Malaysia, detected since decades ago among adolescents. The effect involves many parties. Teaching and learning process in schools were affected by the incident. The objective of this study is to determine the impact of teacher's psychological and physical towards hysteria. The study used a survey method with questionnaire as a research tool. Through the pilot study, the Alpha Cronbach reliability is 0.872. The sample of this research consisted of 148 teachers in six schools around the district of Kuantan which affected by hysteria. Data was analyzed using Statistical Package for Social Science (SPSS) with descriptive statistical techniques of frequency, percentage, mean and standard deviation. Psychological constructs covering various item for emotional reactions such as fear, anxiety, panic, lose focus and remain vigilant. While the physical constructs covers item for the ability of the body, pain, functionality and injuries. The results showed that the level of psychological impact on teachers is higher than the impact on the physical. Hysteria caused teachers emotional distress.